

Headline	Singa Utara lambat panas		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	06 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	160,000
Page No	63	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	103 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,309
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,927



## Singa Utara lambat panas

**BERDASARKAN** prestasi perlawanan terakhir bertemu Felda United ketika kalah 1-5 pada 28 Mac lalu, keupayaan pasukan Perlis dianggap tidak seteruk dijangkakan.

Walaupun berada di kelompok bawahan, skuad pimpinan Reduan Abdullah tetap mengutip lapan mata hasil kemenangan ke atas UiTM (2-1) dan PBAPP (2-1).

Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Perlis, Abdul Jamil Saad menyifatkan skuad Singa Utara mungkin alami sindrom lambat panas.

"Saya tak boleh komen lebih. Beri mereka peluang dan Perlis dah ada keputusan baik sebelum ini termasuk catat seri (bertemu Sabah dan DRB Hicom).

"Lagipun, perjalanan liga masih terlalu awal dan jangan terus

membuat kesimpulan," katanya kepada *Sinar Harian*, baru-baru ini.

Menurut Jamil, semua pihak harus beri sokongan kerana pemain dan persatuan masih baharu dan sedang berusaha ke arah memajukan pasukan bola sepak Perlis.

Beliau yang juga bekas Timbalan Presiden Persatuan Bola Sepak Perlis (PFA) masih optimis pasukan dari utara semenanjung itu bangkit menjelang aksi pusingan kedua Liga Premier.

Terbaharu, skuad Singa Utara kalah lagi di tangan Negeri Sembilan 0-1 pada aksi di Alor Setar, kelmarin.

Bagi rekod, kali terakhir Perlis menjulang trofi adalah dengan memenangi Piala Malaysia pada tahun 2006.



JAMIL